



INTERNATIONAL JOURNAL OF HUMANITIES, PHILOSOPHY AND LANGUAGE (IJHPL)

www.ijhpl.com



SKIM TARIK GAJI: PERSEPSI DAN AMALAN MASYARAKAT BRUNEI

TARIK GAJI SCHEME: PERSPECTIVE AND PRACTICE OF BRUNEI SOCIETY

Hjh Mas Nooraini Hj Mohiddin¹, Cecep Soleh Kurniawan²

¹ Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, (UNISSA) Brunei Darussalam.
Email: masnooraini.mohiddin@unissa.edu.bn

² Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, (UNISSA) Brunei Darussalam.
Email: soleh.kurniawan@unissa.edu.bn

Article Info:

Article history:

Received date: 17.02.2021

Revised date: 22.02.2021

Accepted date: 18.03.2021

Published date: 31.03.2021

To cite this document:

Mohiddin, M. N., & Kurniawan, C. S. (2021). Skim Tarik Gaji: Persepsi dan Amalan Masyarakat Brunei. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (13), 96-111.

DOI: 10.35631/IJHPL.413007.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Skim tarik gaji dalam istilah Brunei di sebut juga sebagai skim main kutu adalah amalan yang telah lama di lakukan oleh masyarakat sama ada Islam atau bukan Islam. Tarik gaji boleh ditafsirkan sebagai suatu kaedah menyimpan wang. Tetapi bukan melalui akaun bank, namun sebaliknya setiap orang akan membayar jumlah yang ditetapkan. Walau bagaimana pun, sejak kebelakangan ini, telah timbul pelbagai isu mengenai tarik gaji yang sudah mulai tersebar dalam kalangan masyarakat Melayu dengan tujuan untuk memenuhi keperluan tertentu. Justeru, perbincangan mengenai pandangan dan amalan masyarakat Brunei terhadap tarik gaji menjadi fokus utama kajian ini bagi mengenal pasti amalan berkurun yang telah di warisi ini bertepatan dengan syarak dan sesuai dengan masyarakat Negara Zikir. Metodologi penyelidikan yang diguna pakai adalah secara kuantitatif deskriptif dengan menggunakan analisis dari soal selidik yang diedarkan. Di samping itu analisis dilakukan dengan meneliti maklumat data sekunder terutama penulisan, jurnal, kertas kerja dan artikel yang berkaitan. Banyak kriteria yang perlu di ambil perhatian dalam menghalalkan skim tarik gaji di antaranya akad yang diguna pakai bagi tujuan melindungi kemaslahatan semua kerana skim ini berkaitan dengan wang dan sangat terdedah kepada penipuan dan gharar yang boleh menimbulkan pertelingkahan dan perbalahan

Kata Kunci:

Tarik Gaji, Persepsi, Amalan

Abstract:

The "tarik gaji" scheme in Brunei's term referred to as the "main kutu" scheme – that is a practice that has been practiced by the society, whether Muslim or non-Muslim, for a long time. "Tarik gaji" can be interpreted as a principle to save money, but not in a bank account, but rather everyone pays the specified amount. However, in recent years, there various issues among the Malay society to fulfill certain needs. Instead, the discussion on opinion and practice of Brunei societies on "Tarik gaji" becomes the focus of this study to identify the legacy practices that have been inherited in accordance with Islamic law and in accordance with the Muslim community. The research methodology is quantitatively descriptive by analyzing distributed questionnaires. In addition, the analysis was done by examining secondary data information, especially writing, journals, papers, and related articles. Many criteria are considered to legalize "tarik gaji" scheme, such as the agreement to protect the welfare of all societies as the scheme is money-related and highly prone to fraud and gharar that can cause conflicts and disputes.

Keywords:

Tarik Gaji, Perspective, Practice

Pendahuluan

Tarik gaji boleh ditafsirkan sebagai suatu kaedah menyimpan wang. Tetapi bukan melalui akaun bank, namun sebaliknya setiap orang akan membayar jumlah yang ditetapkan. Dengan perkembangan dan perubahan masa, cara tarik gaji juga menghadapi perubahan bukan setakat tradisional sahaja bahkan melalui fasa moden. Walau bagaimana pun, sejak kebelakangan ini, telah timbul pelbagai isu mengenai tarik gaji yang menjadi pilihan masyarakat untuk menjadikannya sebagai skim kewangan yang cepat dan mudah termasuklah masyarakat Brunei. Justeru, perbincangan mengenai pandangan dan amalan masyarakat Brunei terhadap tarik gaji menjadi fokus utama kajian ini bagi mengenal pasti amalan berkurun yang telah diwarisi ini bertepatan dengan syarak dan sesuai dengan masyarakat Negara Zikir.

Sorotan Karya

Tidak terdapat penulisan khusus berkaitan dengan skim tarik gaji dalam bentuk akademik seperti buku begitu juga dalam bentuk penulisan artikel. Jika pun ada dalam bentuk keratan surat khabar atau pun dari laman sesawang yang bersifat informal. Informasi yang relevan banyak di bincangkan berkisar tentang sejauh mana keharusan syarak membolehkan tarik gaji. Sinar Harian yang bertarikh 25 Oktober 2013 membincangkan status tarik gaji menurut pandangan Islam secara ringkas. Setakat ini belum ada penulisan berkaitan tarik gaji yang melibatkan masyarakat Brunei, justeru melihat kepada perkembangan dan penglibatan yang semakin meningkat pada masa ini, telah menarik perhatian dan keperluan untuk mengkaji sejauh mana masyarakat Brunei memahami dan mengetahui hukumnya dari sudut syarak serta amalan yang dilaksanakan dalam masyarakat Brunei.

Metodologi

Kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini secara teorinya adalah bersifat kuantitatif dan kualitatif, iaitu kajian menggunakan metode pengumpulan data melalui pemerhatian dan kajian selidik. Pengumpulan data kajian melalui perpustakaan di mana rujukan dibuat kepada sumber

primer dan sekunder melibatkan kitab-kitab *thurath* sebagai rujukan utama dan juga sumber lain seperti buku, artikel, jurnal, kertas kerja seminar dan sebagainya. Di samping itu juga kajian kualitatif yang dilaksanakan melibatkan responden seramai 309 orang yang datang dari latar belakang pendidikan yang berbeza.

Definisi

Skim tarik gaji ini sangat terkenal dan popular di Brunei termasuk juga negara lain namun dengan menggunakan istilah yang berbeza. Seperti di Malaysia, skim ini lebih dikenali dengan main kutu, di Indonesia pula menggunakan istilah arisan. Senoman lebih dikenali dalam kalangan masyarakat Singapura, dan Kemboja menggunakan istilah tongdin. Sementara di Negara Arab ia dikenali dengan perkataan *jum'iyah al-muwazhzhafin* (جمعية الموظفين). Dahulu, tarik gaji dikenali sebagai "Jumaat" kerana para ahli mengumpulkan wang setiap hari Jumaat. Skim Tarik gaji ini di sebagian Negara arab dikenal juga dengan *al-jum'iyah at-ta'awuniyah* (الجمعية التعاونية) bermaksud pengumpulan wang atau barang yang mempunyai nilai sama oleh beberapa orang ahli, kemudian diundi di antara mereka. Undian tersebut dilaksanakan secara berkala sampai semua ahli memperoleh nya (Al-Jibrin, t.t).

Kamus Dewan (2007) mentakrifkan main kutu sebagai usaha gotong-royong bagi mengumpulkan wang tiap-tiap bulan dan menentukan giliran orang yang mendapatnya dengan cara mengundi.

Main kutu atau duit kutu istilah yang sering digunakan dan merupakan skim kewangan bagi tujuan simpanan dan mendapatkan wang tunai segera namun ia kurang dikenali dengan *tontine* atau *chit fund*, meskipun ia merupakan skim yang serupa.

Sebagai contoh 10 orang ahli menyumbang dana kewangan masing-masing sebanyak \$200 pada setiap bulan selama 10 bulan berturut-turut. Ini membawa maksud setiap bulan jumlah wang yang terkumpul ialah \$2,000. Ahli-ahli tadi akan melakukan perbincangan secara adil dan ikhlas untuk menentukan siapa berhak menerima duit kutu kutipan paling awal dan siapakah yang terakhir. Dalam erti kata lain 10 mereka tadi akan menerima wang mengikut sistem giliran yang telah dipersetujui dalam kalangan mereka berdasarkan konsep kerjasama. Skim tarik gaji melibatkan sekumpulan kecil ahli yang bersetuju untuk menabung duit secara berkumpulan. Kemudian ditetapkan amaun kutipan dan jumlah kutipan akan diberikan kepada setiap ahli mengikut sistem giliran sama ada secara undian atau persetujuan semua. Bagi memudahkan proses kutipan dan pembahagian duit tarik gaji, seorang bendahari akan di pilih bagi menguruskan kutipan dan agihan duit kutipan kepada setiap ahli.

Bagi tempoh masa pula, semakin ramai ahli maka makin lama tempoh masa bagi setiap ahli menunggu giliran masing-masing untuk mendapat duit tersebut. Skim ini akan selesai bila giliran ahli terakhir menerima duit tersebut dan pada kebiasaannya penyerahan duit kutipan dari setiap ahli di lakukan pada setiap bulan (Hakimie, 2019). Kemungkinan dari sini timbulnya istilah tarik gaji dalam kalangan masyarakat Brunei yang sinonim dengan skim main kutu. Di mana kutipan dan penyerahan di lakukan setelah menerima gaji pada setiap hujung bulan. Meskipun kini, penerimaan gaji di laksanakan 2 kali sebulan.

Tarik Gaji @Main Kutu Tradisional vs Moden

Permainan kutu sering kali dikaitkan dengan masyarakat di kampung-kampung berbanding di bandar. Kesukaran masyarakat kampung untuk pergi dan berurusan di bank telah menciptakan skim main kutu. Ia direka sebagai satu skim menabung kumpulan untuk bantu ahli mengurus

dan menyimpan duit secara berkumpulan. Kebiasaannya permainan kutu ini berlaku di kampung-kampung kerana masyarakatnya merancang kewangan untuk membeli barangan mahal seperti emas, perabot rumah dan sebagainya. Namun perubahan masa yang semakin mencabar kehidupan menyebabkan permainan kutu kini mula menular ke masyarakat bandar. Ini kerana kos sara hidup di bandar yang begitu tinggi memerlukan mereka bijak mengurus kewangan agar tidak dihipit kemiskinan dan juga dijalankan bagi meringankan beban seseorang melalui simpanan sukarela (Syahidatul, 2013).

Idea skim main kutu diwujudkan bagi tujuan simpanan dan tabungan dan untuk mendapatkan wang tunai secara informal. Terdapat 2 jenis main kutu iaitu tradisional dan moden. Pada asalnya skim main kutu tradisional biasanya dianjurkan atas dasar kemasyarakatan dan kepercayaan dalam kalangan jiran tetangga, sahabat handai, saudara mara, rakan sekerja bagi tujuan mengumpul wang mengikut keperluan masing-masing tanpa sebarang keuntungan bagi mana-mana individu (Bernama, 2018).

Mengikut Suruhanjaya Malaysia (SSM) menyatakan skim kutu secara tradisional yang tidak bermotifkan keuntungan adalah di boleh kan dan tidak termasuk dalam akta larangan Kumpulan Wang Kutu 1971 kerana asas main kutu tradisional hanya memberikan kembali jumlah yang disumbangkan mengikut giliran yang ditetapkan. Meskipun ada yang berpendapat dengan menyatakan ia adalah salah di sisi undang-undang kerana tidak diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia disebabkan apa-apa jenis aktiviti yang melibatkan pengumpulan duit dari orang awam hendaklah memiliki lesen yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (Hakimie, 2019).

Apa yang di maksudkan dalam akta tersebut ialah modes operandi main kutu moden merubah nya menjadi bentuk perniagaan dengan tujuan mendatangkan hasil yang berlipat ganda berbanding sumbangan yang diberikan. Dan tidak kurang juga yang menyalahgunakan dan melakukan penipuan seperti kes ibu kutu yang melarikan wang kutipan. Dari sinilah timbulnya akta khusus berdasarkan kepada risiko dan kesan dari main kutu moden. Seperti mana yang berlaku di Malaysia yang telah memperuntukkan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 3 Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 iaitu:

“ Maka adalah salah di sisi undang-undang bagi sesiapa menjalankan perniagaan menganjurkan wang kutu dan seseorang yang menjalankan perniagaan itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali”

Secara tidak langsung main kutu tradisional dan moden hampir sama namun bezanya tradisional lebih menjurus kepada kerjasama sesama ahli dan dalam kalangan orang terdekat sementara dan risiko berlakunya penipuan dan penyelewengan adalah rendah di bandingkan dengan main kutu moden. Kerana main kutu moden berasaskan keuntungan peribadi dan menjadikannya salah satu bentuk perniagaan dan kemungkinan berlangsung dalam kalangan ahli-ahli yang tidak dikenali. Lebih-lebih lagi pelbagai jenis main kutu moden yang wujud melalui online sama ada dari Facebook, Twitter, Instagram dan sebagainya.

Rahsia Kelebihan Tarik Gaji

Skim tarik gaji adalah bentuk pinjaman yang di buat bersama orang lain tanpa sebarang faedah dan syarat yang dikenakan. Apa yang diperlukan ialah bayaran secara beransur adalah sama dengan jumlah yang akan di terima bila tiba giliran masing-masing. Di samping itu juga skim

tarik gaji bertujuan untuk mendapatkan jumlah duit yang banyak dalam tempoh yang singkat atau pun untuk mendapatkan barang-barang yang mahal termasuklah peralatan rumah dan emas. Bahkan sistem ini juga sebenarnya mengajar ahli-ahlinya untuk berdisiplin dalam menyimpan duit ikut jangka masa yang ditetapkan jadi tidak timbul penyimpanan yang tidak konsisten (Hakimie, 2019).

Tarik gaji adalah sebahagian daripada konsep tolong-menolong (*ta'āwun*) untuk memenuhi hajat masing-masing ahli kumpulan. Dengan mengikuti tarik gaji ini para ahli akan terselamat dari muamalat yang diharamkan oleh ugama seperti meminjam wang dengan cara yang mengandungi riba, atau dengan *bai 'inah*¹ atau perkara-perkara syubhah yang dipertingkatkan kebenarannya oleh para ulama seperti *bai' tawarruq*². Seperti firman Allah dalam surah al-Maidah ayat 2 yang bermaksud :

“Dan tolong-menolong lah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwa lah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat seksa-Nya.”

Antara lain kelebihan tarik gaji juga ialah belajar cara menabung secara sistematik. Apabila seseorang terlibat dalam kumpulan tarik gaji, maka dia akan berusaha untuk membayar kutipan seperti yang dilakukan oleh ahli-ahli lain dengan jumlah yang sama. Dalam erti kata yang lain berusaha untuk belajar dan mendisiplinkan dalam mengatur kewangan.

Skim ini juga merupakan tradisi (*'urf*) yang telah di amalkan oleh masyarakat untuk memenuhi hajat ahli kumpulan terhadap wang tunai atau barang. '*Urf* adalah pekerjaan atau ucapan yang sudah menjadi kebiasaan di sesuatu masyarakat atau tempat. '*Urf* merupakan salah satu rujukan hukum Islam selama tradisi tersebut tidak bercanggah dengan *nas* Al-Quran, hadis, atau ijmak (Abdul Wahhab, t.t).

Memandangkan tarik gaji adalah salah satu kebiasaan dalam masyarakat, ia tidak terkecuali dari menjadi persoalan dan keraguan mengenai keharusan nya dari sudut pandangan Islam lebih-lebih lagi bila tarik gaji menerima perubahan mengikut peredaran zaman.

Skim Tarik Gaji Menurut Pandangan Syarak

Jika melihat kepada praktikal tarik gaji yang berlaku dalam masyarakat di mana semua ahli dalam perkumpulan bersepakat bahawa setiap orang ahli membayar sejumlah wang yang sama dengan yang dibayarkan oleh ahli yang lainnya. Kesepakatan ini dilakukan pada akhir setiap

¹ Bai 'inah ialah dua orang yang melakukan kontrak niaga menunjukkan sesuatu yang harus demi mendapatkan perkara yang ditegah (riba) . Biasanya merujuk kepada kontrak yang membabitkan urus niaga jualan dengan cara berhutang dan pembelian semula aset oleh penjual pertama secara tunai. Sebagai contoh: Rahmat menjual barang kepada Rahim dengan harga \$200 secara hutang selama 6 bulan. Kemudian Rahmat membeli kembali barang tersebut dari Rahim dengan harga \$150 secara tunai. Di sini seperti Rahmat meminjamkan wang kepada rahim \$150 dan mengembalikan kembali setelah 6 bulan sebesar \$200, ertinya barang yang dijual hanya sekadar jalan untuk melakukan riba. Ianya adalah akad yang rosak menurut mazhab Hanafi jika tiada penengah orang yang ke tiga. Adapun menurut mazhab Syafi'i dan Zahiri ianya adalah sah walaupun dikira makruh. Sila rujuk Wahbah bin Mustafa Zuhaili. (t.t.). *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuhu*. Damaskus: Dar al-Fikr. Juz V, hlm 3501).

² Tawarruq ialah seseorang membeli dengan harga bertangguh kemudian menjualnya kepada selain penjual yang pertama dengan harga tunai demi mendapatkan wang.

Ianya merupakan jual beli yang dihukumkan makruh menurut pendapat Malik dan Ahmad dalam salah satu riwayat. Sila rujuk Wahbah bin Mustafa Zuhaili. (t.t.). *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuhu*. Damaskus, Dar al-Fikr. Juz V, hlm 3457.

bulan, kemudian semua wang yang terkumpul dari ahli diserahkan kepada salah seorang ahli pada bulan kedua atau setelah enam bulan mengikut persetujuan bersama. Demikianlah seterusnya, sehingga setiap orang dari mereka menerima jumlah wang yang sama seperti yang diterima orang sebelumnya. Maka skim tarik gaji ini seperti ini serupa dengan konsep *qard* yang dikenal dalam kitab-kitab fikah, dalam erti kata yang lain setiap orang ahli kumpulan tarik gaji meminjamkan wang (*muqridh*) kepada ahli yang lain yang menerima wang tarik gaji dan meminjam (*muqtaridh*) dari orang yang sudah menerimanya kecuali ahli yang paling pertama mendapatkan wang tarik gaji maka ia menjadi orang yang berhutang sepenuhnya (*muqtaridh*) setelah mendapatkan wang tarik gaji, juga orang yang terakhir mendapatkan tarik gaji, maka ia selalu menjadi pemberi hutang (*muqridh*) kepada ahli-ahli yang sudah mendapatkannya (Abdullah, 2008).

Walaupun demikian para ulama berbeza pendapat mengenai hukum tarik gaji ini menjadi dua pendapat:

Pertama: Hukum dasar tarik gaji adalah harus di sisi Syariah, bahkan sebahagian ulama ada yang mengatakan ianya adalah *mandūb* (dianjurkan). Di antara ulama yang memfatwakan harus adalah Al-Hafiz al-Faqih Abu Zar'ah al-Īrāqī dari kalangan ulama salaf bermazhab Syafi'i, dalam *Hāsīyatā Qalyūbi wa 'Umairah* (Ahmad Salamah Al-Qalyubi, 1995) dinyatakan

فالجمعة المشهورة بين النساء-بأن تأخذ امرأة من كل واحدة من جماعة منهن قدرا معيناً في كل جمعة أو شهر، وتدفعه لواحدة بعد واحدة إلى آخرهن- جائزة كما قاله الولي العراقي

Maksudnya, aktiviti Jumaat yang popular di kalangan wanita iaitu dengan mengumpulkan wang dalam jumlah tertentu oleh salah seorang ahli wanita dari kumpulan pada setiap Jumaat atau setiap bulan, kemudian di bayarkan kepada ahli secara berkala sampai semuanya memperolehnya. Ia adalah harus sebagaimana yang dinyatakan oleh wali Iraq (Al-Hafiz al-Faqih Abu Zar'ah al-Iraqi).

Adapun ulama kontemporari yang mengharuskan tarik gaji ialah Dr Oni Sahroni, anggota Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (Konsultasi Syariah, 2018), S.S. Dato' Seri Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri Mufti Wilayah Persekutuan Malaysia (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2015) dan majoriti ahli fatwa kerajaan Saudi Arabia seperti Abdullah bin Baz (Ibn Baz, 1441H).

Di antara dalil yang dikemukakan ialah:

1. Aktiviti tarik gaji mempunyai banyak manfaat bagi para ahlinya, di antaranya: bagi ahli kumpulan tarik gaji yang mendapatkan wang di akhir maka ianya seperti menabung dan juga memberikan pinjaman tanpa riba (*qardh al-hasan*) kepada ahli-ahli yang mendapatkan undian lebih awal, sementara bagi ahli yang mendapatkan wang tarik gaji di awal maka ianya merupakan pinjaman tanpa faedah riba. Allah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 245:

2.

﴿مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَاعِفَهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْسُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ﴾

“Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada Allah, pinjaman yang baik, maka Allah akan melipatgandakan pembayarannya dengan lipat anda yang banyak”.

Yang menjadi landasan dalil dalam ayat ini adalah manusia dianjurkan untuk meminjamkan kepada Allah (membelanjakan harta di jalan Allah). Selaras dengan meminjamkan kepada Allah, manusia juga diseru atau dianjurkan untuk menolong sesama manusia dengan cara saling meminjamkan wang untuk memenuhi hajat kehidupan, yang merupakan bagian dari kehidupan bermasyarakat (Ibn Baz, 1441).

3. Jika dalam tarik gaji tidak terdapat perkara yang bercanggah dengan ajaran agama seperti *riba* dan *gharar* maka tarik gaji juga termasuk muamalat di antara manusia yang harus yang tidak ada pelarangan dalam al-Quran ataupun Hadis. Dalam kaedah fikah disebutkan “Hukum asal dalam muamalah adalah harus sehingga ada dalil yang melarang nya” (Muhammad Siqdi, 2003).

Aktiviti saling memberi pinjam dengan nilai dan jumlah yang sama adalah harus berdasarkan kepada hujah berikut;

Pertama: Keharusan kaedah:-

أسلفني وأسلفك³

Maksudnya: “*Kamu pinjamkan kepadaku nescaya aku akan meminjamkan kepadamu*”

Menurut mazhab Maliki, konsep ini dianggap makruh tetapi apabila ia memberikan manfaat kepada yang pemberi hutang hukumnya adalah haram, tetapi jika manfaat diperoleh oleh peminjam ia adalah harus. Namun dalam bab ini kedua-dua pihak mendapat manfaat yang sama rata. Justeru ia sewajarnya diharuskan. Inilah yang diperoleh dari skim tarik gaji ini.

Kedua: Tidak termasuk dalam bentuk faedah yang dilarang.

Kebanyakan ulama berpendapat bahawa tindakan ini adalah harus di sisi Syariah atas sebab ia tidak termasuk dalam pinjaman dengan faedah yang dilarang oleh Syariah. Jumlah dan tempoh pinjaman juga adalah serupa. Ini menjadikannya tiada sebarang lebihan manfaat yang boleh menjadikannya haram.

Manakala syarat untuk memberi pinjam semula tadi, jikapun ia dianggap sebagai satu manfaat namun ia adalah manfaat yang sama kepada dua-dua pihak dan bukan hanya satu pihak yang boleh membawa penindasan. Ia juga boleh dilihat dalam isu ‘*Suftajah*’. Demikian menurut pendapat Ibn Qudamah, Ibn Taimiyyah dan Ibn Qayyim.

Ketiga: Riba diharamkan disebabkan kerana zalim yang berlaku ke atas satu pihak.

Namun di dalam hal ni tiada sebarang kezaliman berlaku kerana kedua-duanya mendapat jumlah, dan tempoh yang sama, cuma di waktu yang berbeza sahaja.

Kedua: Tarik gaji adalah haram. Di antara ulama yang memfatwakan haram nya ialah salah seorang ahli fatwa kerajaan Saudi Arabia Syeikh Dr Salih bin Fauzan bin Abdullah Ali Fauzan (2017). Di antara dalil yang menjadi sandaran mereka ialah;

(1) Pinjaman dengan Syarat

Setiap ahli kumpulan tarik gaji ketika memberikan wang kepada kumpulan hakikatnya sedang memberikan pinjaman hutang kepada ahli-ahli lain tapi dengan syarat bahawa ahli lain mesti memberikan pinjaman kepadanya, perkara ini termasuk *qardh jarra naf’an* (pinjaman yang memberikan manfaat kepada pemberi hutang), maka ianya termasuk *riba* yang diharamkan oleh agama. Baginda Rasulullah bersabda:

³ Al-Tamimi, Abu Bakar Muhammad bin Abdillah bin Yunus. (2013). *al-Jāmi’ li Masāil al-Mudawwanah*. Makkah, Jamiat Umm al-Qura. Juz XII, hlm 683. al-Hattab, Shamsuddin abu Abdillah Muhammad bin Muhammad bin Abdurrahman. (1992). *Mawāhib al-Jalil fi Syarh Mukhtasar al-Khalil*. Beirut, Dar al-Fikr. Juz 4. hlm. 547.

“Setiap akad qard (pinjaman) atau piutang yang mendatangkan kemanfaatan (kepada pemberi pinjaman) adalah riba”

Dalam hadis lain Baginda Nabi bersabda:

إذا أقرض أحدكم قرا فأهدى له، أو حملة على الدابة، فلا يركبها ولا يقبله، إلا أن يكون جرى بينه وبينه قبل ذلك⁵

“Jika salah seorang di antara kalian meminjamkan wang, kemudian yang meminjam wang itu memberi hadiah atau mengajak mu naik kenderaannya, maka janganlah naik dan janganlah terima hadiahnya kecuali itu (saling memberi hadiah) sudah menjadi kebiasaan diantara mereka sebelumnya”

(2) Meminjamkan bukan kerana Allah

Memberikan pinjaman yang diharuskan oleh syarak atas dasar niat kerana Allah untuk mendapatkan keredaan Nya dengan cara membantu peminjam. Oleh kerana itu, ugama Islam melarang orang yang telah berbuat kebajikan untuk mengambil kesempatan dalam kesempitan peminjam kerana ianya bercanggah dengan niat awal pemberian pinjaman.

(3) Impak negatif dari tarik gaji lebih besar berbanding manfaatnya.

Kesan negatif daripada tarik gaji lebih besar berbanding manfaat yang diterima, sebagai contoh: jika ahli kumpulan meninggal dunia atau dipindahkan kerjanya dari tempat kerja bersama kumpulannya atau diberhentikan dari kerjanya sehingga tidak mempunyai penghasilan maka sukar ahli-ahli lain untuk membuat kutipan tarik gaji yang belum dibayar. Islam sangat menjaga agar perkara-perkara seperti ini tidak terjadi sehingga kemaslahatan semua orang dapat terus terjaga

Berikut adalah jawapan bagi dalil-dalil yang diutarakan oleh pihak yang menyatakan skim tarik gaji adalah haram;

- Kedua-kedua hadis adalah hadis yang sangat lemah atau sangat daif yang tidak dapat dijadikan sebagai dalil untuk pengharaman tarik gaji.
- Skim tarik gaji adalah pinjaman biasa tanpa ada syarat yang memberi manfaat lebih dari para ahli kumpulan, ianya hanya diikuti oleh banyak orang yang saling memberikan pinjaman (*qurūdh mutabādilah*) dan tidak termasuk dalam bentuk manfaat yang dilarang. Kebanyakan ulama berpendapat bahawa tindakan ini adalah harus di sisi syariah atas sebab ia tidak termasuk dalam pinjaman dengan faedah yang dilarang oleh syariah. Jumlah dan tempoh pinjaman juga adalah serupa. Ini menjadikannya tiada sebarang kelebihan manfaat kepada ahli-ahli kumpulan yang boleh menjadikannya haram. Manakala syarat untuk memberi pinjam semula, jika pun ia dianggap sebagai satu manfaat namun ia adalah manfaat yang sama kepada dua-dua pihak (*muqridh* dan *muqtaridh*) dan bukan hanya satu pihak yang boleh membawa penindasan sebagaimana alasan diharamkannya riba (Ibnu Qayyum, 1991). Main kutu juga boleh dilihat dalam isu ‘*Suftajah*⁶’ yang dibenarkan oleh ulama (Nazih, 2001).

⁴ Hadis ini sangat lemah atau sangat daif yang tidak dapat dijadikan sebagai dalil untuk mengharamkan tarik gaji. Sila rujuk Al-Ajluni, Ismail bin Muhammad. (1351H) *Kasyf al-Khafa wa Munzil al-Ilbas*. Kaherah, Maktabah al-Quds, Juz II, hlm 125.

⁵ Hadis ini sangat daif. Sila rujuk al-Tatwi, Muhammad bin And Hadi. (t.t). *Kifayat al-Hajah fi Syarh Sunan Ibn Majah*. Beirut, Dal al-Jalil. Juz II, hlm 82

⁶ Suftajah ialah transaksi kewangan di mana seseorang meminjamkan wang kepada orang lain (peminjam) di satu negeri, kemudian peminjam atau wakilnya atau oleh seseorang yang berhutang kepadanya berkewajiban melunaskan pinjaman itu kepada pemberi pinjaman di negeri lain yang ditentukan. Menurut Mazhab Hambali, Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

- Mengambil manfaat yang disepakati oleh ulama bahawa ianya riba adalah manfaat lebih yang disyaratkan oleh *muqridh* ke atas *muqtaridh* yang hanya boleh didapatkan oleh *muqridh* daripada *muqtaridh* dengan cara meminjamkan kepadanya atau manfaat yang berupa tambahan tanpa imbalan kerana kelambatan atau sebagainya. Semua elemen ini tidak terdapat dalam tarik gaji.
- Pemberian pinjaman adalah bahagian dari muamalat atau interaksi manusia dengan manusia yang diharuskan walaupun tanpa ada niat. Ketiadaan niat tidak akan merubah hukumnya dari harus menjadi haram.
- Sebagaimana sudah dijelaskan di atas bahawa ahli-ahli kumpulan tarik gaji hakikatnya sedang saling membantu dengan cara saling meminjamkan hutang. Hutang tersebut dapat membantu meringankan orang yang berhutang. Orang yang berhutang dapat memanfaatkan wang tersebut dalam waktu tertentu kemudian ia mengembalikannya sesuai dengan jumlah wang yang diambilnya tanpa ada penambahan dan pengurangan. Perkara ini dibolehkan berdasarkan nas-nas syariat dan ijmak para Ulama. Adapun terjadinya perkara-perkara yang tidak diharapkan dapat terjadi di semua jenis muamalat bukan hanya ditarik gaji sahaja termasuklah mungkin terjadi dalam akad jual beli, ijarah bahkan akad *qardh* biasa, walaupun demikian tidak ada satu ulama pun yang mengatakan bahawa *qardh* biasa berubah hukumnya menjadi haram kerana peminjam lalai atau tidak mampu membayar hutang.

Dari perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa pendapat yang membolehkan adalah pendapat yang *rajih* dengan alasan; pendapat yang mengharamkannya adalah lemah kerana bersandarkan kepada hadis yang sangat lemah, di samping itu tarik gaji tidak termasuk hutang bersyarat. Pada dasarnya hutang dibolehkan walaupun tidak diniatkan mendapatkan pahala dan keredaan Allah. Kerana hutang pada hakikatnya disyariatkan untuk membantu orang yang memerlukannya. Pendapat yang membolehkan lebih sesuai dengan usul dan kaedah syariat, kerana seluruh syariat di bangun di atas dasar “mengambil maslahat dan menolak kemudaratan dan kerosakan”.

Ini adalah kerana sebenarnya wang diperoleh oleh seseorang itu hanyalah wangnya sendiri yang terkumpul pada masa akan datang, keistimewaanannya ialah apabila tiba gilirannya maka sebagai ahli dia akan dapat menggunakannya secara *in advance* disebabkan sumbangan wang dari semua ahli kumpulan. Pembayaran *in advance* ini dari sudut Islam dilihat sebagai pinjaman tanpa faedah dari semua ahli kumpulan. Bermakna, setiap bulan semua ahli kumpulan akan menyumbangkan pinjaman yang mana wang pinjamannya itu akan kembali padanya apabila tiba gilirannya (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2015).

Persoalan yang timbul ialah jika salah seorang peserta tidak membayar kepada ahli, besar kemungkinan perkara ini boleh membawa kepada perbalahan dan pertelingkahan.

Dalam Sinar Harian (2013), ketika diajukan persoalan mengenai main kutu kepada Dr Mohd Faisal, salah seorang Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), beliau menyatakan;

hukum suftajah adalah harus jika tanpa adanya tambahan dalam bayaran. Kerana manfaat suftajah bukan sahaja dirasakan oleh pemberi pinjaman sahaja akan tetapi kedua dua belah pihak. Sila rujuk; *Ibnu Qudamah*. (1986). *Al-Mughni li Ibn Qudamah*. Kaherah, Maktabah al-Kaherah. Juz IV, hlm 243. Ibnu Qayyim al-Jauziyah. (1991). *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-Alamin*. Juz I, hlm 295. Wahbah bin Mustafa Zuhaili. (t.t). *Al-Fiqh al-Isalmi wa Adilatuh*. Damskus, Dar al-Fikr, Juz V, hlm 3797-3798.

"Skim kutu ini berdasarkan konsep *taa'wun* (membantu) dan pinjaman ikhlas di mana wang simpanan ini akan diperoleh setiap ahli yang terlibat dengan kontrak permainan kutu mengikut tarikh dipersetujui secara kolektif dan bayaran diterima oleh setiap ahli adalah mengikut giliran serta jumlahnya adalah sama. Justeru, akad yang kemas perlu dilakukan jika mahu skim ini berlandaskan *taa'wun* (tolong-menolong) agar terelak daripada sifat *gharar* kerana dikhuatiri boleh membawa kepada haram menggunakannya.

Namun demi memastikannya halal, perlulah dipastikan bahawa semua ahli kumpulan boleh dipercayai, dikenali dan membuat akad bertulis bagi menjaga kemaslahatan semua. Tanpanya, permainan terdedah kepada penipuan dan *gharar*. Kesimpulannya, skim tarik gaji antara sesama rakan yang dipercayai dalam jumlah yang terhad dan munasabah serta bertulis adalah harus disebabkan ia hanyalah aktiviti pinjam meminjam (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2015).

Adapun persepakatan dalam pinjaman berbalas dengan jumlah dan tempoh sama ini tiada terkandung di dalamnya sebarang kezaliman kepada mana-mana pihak (Nazih, 2001).

Dengan demikian jelaslah bahawa hukum tarik gaji yang bersih dan bebas dari perkara-perkara yang dilarang oleh agama seperti *riba* maka hukumnya adalah harus. Justeru dapatlah dirumuskan bahawa permainan kutu di haruskan berdasarkan:

1. Jumlah yang disumbangkan/disimpan oleh setiap ahli adalah sama.
2. Jumlah diterima adalah sama dalam kalangan ahli.
3. Wujudnya sistem penerimaan jumlah wang yang disumbangkan secara giliran serta adil dan disepakati dalam kalangan ahli.
4. Tidak wujud unsur-unsur *riba* iaitu tidak terdapat seorang pun yang membayar lebih daripada ahli lain.
5. Tiada unsur *gharar* ataupun ketidakpastian iaitu tarikh ataupun masa penerimaan jumlah wang yang disimpan oleh ahli akan diberikan kepada ahli mengikut masa dan tarikh yang telah dipersetujui melalui musyawarah (persetujuan bersama mengikut sistem giliran). (Syahidatul, 2013).

Meskipun jumhur Ulama membolehkan skim tarik gaji secara umum namun terdapat pandangan yang tidak mengharuskan dalam skim tarik gaji tertentu seperti di Indonesia. Majlis Ulama Indonesia mengecualikan keharusan skim tarik gaji ini jika bertujuan untuk membiayai kos menunaikan ibadah haji. Berdasarkan fatwa Majlis Ulama Indonesia Jakarta yang bersidang pada 1 Rabi' al-Akhir 1422 H telah memutuskan bahawa haji dengan skim tarik gaji diharamkan dengan alasan (Muaz, 2015):

1. Ibadah haji hanya diwajibkan bagi umat Islam yang benar-benar telah memiliki kemampuan (*istitha'ah*), khususnya kemampuan ekonomi untuk membayar kos biaya perjalanan ibadah Haji; kos perbelanjaan selama berada di Tanah Suci serta kos pembiayaan keluarga yang ditinggalkan di Tanah Air. Oleh kerana itu, seseorang yang belum memiliki kemampuan yang sebenarnya tidak boleh memaksakan diri. Sebagaimana telah difirmankan dalam surat Ali Imran ayat 97:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ

"Mengerjakan haji adalah kewajiban manusia terhadap Allah, iaitu (bagi) orang yang mampu mengadakan perjalanan ke Baitullah; Barang siapa mengingkari (kewajiban haji, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari semesta alam."

2. Tarik gaji yang disepakati oleh ahli-ahlinya bahawa wangnya dikhaskan untuk membayar pembiayaan menunaikan ibadah Haji adalah dilarang oleh agama Islam, kerana alasan-alasan sebagai berikut:
 - Skim tarik gaji haji sebagaimana disebutkan di atas atau yang serupa dengan nya adalah tidak berbeza dengan berhutang kepada orang lain, sehingga memberatkan diri sendiri atau keluarga yang ditinggalkan jika ia meninggal dunia. Hakikatnya, seseorang yang telah sampai menunaikan ibadah Haji hasil daripada wang kumpulan main kutu adalah berhutang wang daripada ahli kumpulannya. Padahal Rasulullah SAW telah melarang seseorang berhutang atau meminjam wang kepada orang lain untuk digunakan perbelanjaan bagi menunaikan ibadah Haji Sebagaimana disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan Imam Baihaqi:

عَنْ طَارِقٍ قَالَ سَمِعْتُ بِنَ أَبِي أَوْفَى يَسْأَلُ عَنِ الرَّجُلِ يَسْتَقْرِضُ وَيَجُحُّ قَالَ يَسْتَرْزُقُ اللَّهَ وَلَا يَسْتَقْرِضُ
قَالَ وَكُنَّا نَقُولُ لَا يَسْتَقْرِضُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ لَهُ وَقَاءٌ (رواه البيهقي)

“Sahabat Thariq berkata: Saya telah mendengar sahabat yang bernama Abdullah ibn Abi Aufa bertanya kepada Rasulullah SAW tentang seseorang yang tidak sanggup naik haji apakah dia boleh meminjam wang untuk menunaikan ibadah haji? Nabi menjawab: Tidak!”

Dalam Islam setiap urusan muamalat yang berlaku mestilah berdasarkan syariah iaitu berlandaskan al-Quran, sunnah, ijmak dan *qiyas*. Maka jika dilihat secara umum melalui proses pembentukan dan operasi tarik gaji ini, ia dikatakan harus selagi mana tidak melibatkan riba dan unsur meragukan *gharar* semasa perlaksanaannya seperti penentuan giliran penerimaan wang kutu bagi setiap ahli, kaedah pembayaran dan kutipan serta masa pembayaran yang tidak jelas, selain tidak memenuhi tuntutan syariah. Namun begitu bagi memastikan konsep keharusan ini mencerminkan Islam itu adil, maka pekerja yang menganjurkan tarik gaji itu mestilah seorang yang mempunyai ciri-ciri amanah dan ahlinya juga mesti mempunyai ciri yang sama. Di samping itu juga, tarik gaji ini juga mestilah mempunyai kontrak perjanjian di antara ahli bagi memastikan semua ahli berpuas hati dengan operasi dan sistem giliran permainan agar masing-masing mendapat hak sama.

Persepsi & Amalan Masyarakat Brunei Terhadap Skim Tarik Gaji

Penggunaan perkataan tarik gaji bagi menggantikan main kutu dalam kaji selidik yang telah di edarkan adalah sangat perlu, memandangkan perkataan main kutu tidak di kenali dalam masyarakat Brunei. Justeru, perbincangan di bahagian ini akan menggunakan perkataan tarik gaji bersesuaian dengan kefahaman responden. Kaedah kaji selidik telah digunakan bagi mengenal pasti isu tersebut dan telah di jalankan ke atas 309 responden yang berumur dari 20 hingga 60 tahun ke atas. Soalan yang di ajukan mengandungi dua aspek iaitu dari sudut pengetahuan dan pelaksanaan.

Kebanyakan responden adalah dari kalangan perempuan iaitu seramai 231 orang (74.8%) dan seramai 78 orang (25.2%) terdiri daripada kaum lelaki. Ini bertepatan dengan realitinya bahawa dalam kebanyakan kajian yang dijalankan mendapati perempuan lebih banyak bersedia memberikan kerjasama dalam kaji selidik. Berkemungkinan ini berlaku disebabkan perempuan lebih peka tentang kepentingan kajian ini dan memilih untuk memberikan respons berbanding kaum lelaki (Audience Dialogue, 2006). Sistem tarik gaji kini semakin meluas bukan sahaja

dalam kalangan suri rumah, malah golongan wanita berkerjaya juga turut menjadi pemain kutu yang setia. Biasanya golongan ini lebih cenderung untuk tujuan pembelian barangan.

Responden yang berusia 31-40 tahun iaitu seramai 125 orang (40.5%) merupakan kumpulan yang tertinggi jumlahnya diikuti oleh usia 41-50 tahun iaitu 79 orang (25.6%) dan 64 orang (20.7%) responden yang berusia 51-60 tahun dan responden berusia 20-30 tahun merupakan jumlah kedua terendah iaitu sebanyak 36 orang (11.7%). Jumlah yang paling rendah pula ialah berusia di antara 60 tahun ke atas iaitu hanya 5 orang. Sesuai dengan istilah yang diguna pakai di Brunei iaitu tarik gaji, ini kerana tempoh maksimum untuk bekerja dengan Kerajaan adalah 60 tahun, meskipun pihak swasta menerima lebih dari usia tersebut tetapi tidak ramai yang berhasrat untuk bekerja lagi kecuali dalam keadaan terpaksa seperti masih ada tanggungan anak yang masih bersekolah dan sebagainya.

Tahap pendidikan peringkat sarjana muda adalah jumlah responden yang paling tinggi iaitu 96 orang (31.1%), diikuti sekolah menengah seramai 69 orang (22.3%) dan pendidikan Sarjana adalah yang ketiga tinggi iaitu seramai 53 orang (17.2%). Lebih daripada separuh jumlah keseluruhan responden terdiri dari mereka yang berkhidmat dengan Kerajaan iaitu seramai 215 orang (69.6%) dan sebanyak 58 orang (18.8%) adalah berkhidmat dengan pihak swasta. Sementara bakinya pula terdiri dari responden yang tidak mempunyai pekerjaan iaitu seramai 22 orang (7.1%) dan bekerja sendiri sebanyak 14 orang (4.5%).

Dari aspek pengetahuan tentang tarik gaji, soalan pertama yang dikemukakan adalah bertujuan mengenal pasti pengetahuan mereka tentang tarik gaji. Seramai 295 responden (95.5%) mengetahui konsep tarik gaji. Dari jumlah 14 orang (4.5%) yang tidak mengetahui langsung skim tarik gaji adalah kebanyakan datang dari responden yang tahap pendidikan di peringkat Sekolah Menengah sahaja. Dari jumlah keseluruhan iaitu 309 orang terdapat 92 responden (29.8%) menyatakan bahawa tarik gaji adalah tidak dibenarkan dan di haruskan dalam Islam dan 70.2% menyatakan tarik gaji adalah dibolehkan. Meskipun demikian hampir 90% dari responden iaitu 272 orang (88%) pernah mengikuti skim tarik gaji yang terdiri dari kalangan penjawat awam sama ada dengan Kerajaan atau swasta. Dalam kalangan responden yang tidak pernah menyertai skim tarik gaji ini adalah disebabkan kerana tiada pekerjaan dan tidak mengetahui apa yang di maksudkan dengan tarik gaji di samping mereka yang berpendapat bahawa skim tarik gaji tidak diharuskan dalam Islam.

Tujuan menyertai tarik gaji ini ialah untuk menyimpan dan menabung semata-mata adalah jumlah tertinggi yang di pilih oleh responden iaitu seramai 139 Orang (46.3%) diikuti bagi tujuan mentadbir kewangan sebanyak 69 orang (23%). Uniknyanya terdapat 37 responden (12.3%) berhasrat untuk meminjam dan meminjamkan wang kepada anggota lain. Terdapat juga matlamat untuk menyertai skim ini adalah semata-mata untuk memiliki barang yang bernilai tinggi seperti emas iaitu seramai 19 orang (6.3%) dan jumlah yang sama dikongsi bagi tujuan untuk mengeratkan silaturahim antara ahli kumpulan. Bahkan ada yang bertujuan untuk membeli insurans kereta dan cukai jalan dan kelengkapan sekolah anak-anak.

Cara tarik gaji yang disertai adalah kebanyakannya adalah tradisional iaitu ahli-ahli menyerahkan kutipan kepada ibu kutu iaitu sebanyak 248 orang (80.3%). Sementara bakinya terlibat tarik gaji melalui cara moden iaitu online. Ahli-ahli yang terlibat dalam skim ini terdiri dari kawan satu pejabat atau satu organisasi yang mencapai jumlah terbanyak iaitu 181 responden (58.6%) diikuti dengan ahli keluarga seramai 59 orang (19.1%). Pada kebiasaannya skim tarik gaji di sertai oleh 6 hingga 10 orang dan di lakukan dalam tempoh 12 bulan mengikut

kebanyakan responden. Dan amat sedikit yang melakukan tarik gaji dalam kumpulan ahli seramai 21 hingga 30 orang berkaitan dengan tempoh paling lama bagi menyelesaikan tarik gaji iaitu 24 bulan. Kebanyakan responden lebih suka menyediakan dalam jumlah \$50 hingga \$100 bagi tarik gaji iaitu sebanyak 165 orang (53.4%). Terdapat sebahagian responden menyediakan \$100-\$1000 bagi tarik gaji iaitu seramai 67 orang (21.7%) iaitu jumlah kedua tertinggi dalam memperuntukkan wang untuk tarik gaji. Peruntukan 1,000 ke atas bagi skim tarik gaji adalah jumlah yang paling rendah iaitu 1%.

Biasanya tujuan individu menyertai skim tarik gaji ini ialah untuk membeli sesuatu atau membuat pembayaran dalam jumlah yang besar. Ia di lihat sebagai alternatif yang cepat bagi mencapai matlamat berkenaan (Sinar Harian, 2013). Tiga matlamat utama yang menjadi pilihan kebanyakan responden dalam memperuntukkan hasil daripada tarik gaji bagi pembelian atau untuk di belanjakan iaitu:

- (1) Bagi pembelian barang kelengkapan rumah sebanyak 93 orang (30.1%)
- (2) Untuk tujuan pembelian kereta sebanyak 68 orang (22.%)
- (3) Pembelian barang emas sebanyak 20 orang (6.5%).

Antara tujuan lain bagi menyertai skim tarik gaji ini ialah peruntukan bagi melancong, mengerjakan umrah, untuk melakukan ibadah korban, bagi keperluan hari raya, melunaskan hutang yang tertunggak dan bagi persiapan perkahwinan.

Tujuan sebenar tarik gaji ialah untuk memenuhi keperluan hajat yang bernilai tinggi. Kebanyakan responden berpendapat bahawa skim ini membantu matlamat mereka iaitu seramai 140 orang (45.3%) dan sebanyak hampir 40% iaitu seramai 122 orang menyatakan skim ini sangat membantu dan masih ada yang menyatakan skim ini tidak membantu (1.6%) dan sangat tidak membantu (0.6%).

Antara risiko yang sering di hadapi ketika menyertai skim ini ialah terdapat ahli yang tidak membayar terutama sekali ketika setelah selesai gilirannya. Menurut pengalaman responden seramai 231 (76.2%) menyatakan tidak pernah berlaku perkara sedemikian ketika menyertai skim ini. Namun bakinya menyatakan pernah mengalami kes sedemikian rupa.

Tarik gaji moden bukan hanya berunsur komersial tetapi juga mengenakan bayaran tambahan jika ada ahli yang lewat membayar. Perkara ini pernah di hadapi oleh seramai 20 orang responden. Manakala selebihnya menyatakan sebaliknya. Modes operandi skim tarik gaji ini dipersetujui oleh responden iaitu lebih daripada separuh jumlah keseluruhan iaitu 169 orang (54.7%) dan separuh dari jumlah tersebut sangat bersetuju dengan skim ini. Hanya terdapat bilangan kecil sahaja yang menyatakan sebaliknya iaitu sebanyak 12 orang (3.9%).

Hasil Dapatan

Hasil daripada kajian yang telah di kemukakan mendapati golongan wanita adalah kaum yang paling banyak menyertai main kutu dengan tujuan untuk membantu kewangan keluarga di samping untuk kepentingan peribadi. Skim tarik gaji yang banyak di amalkan di Brunei adalah dalam kalangan penjawat awam yang masih bekerja. Justeru, kegiatan ini jarang berlaku apabila mencapai usia pencen iaitu 60 tahun. Kemungkinan tidak lagi menerima gaji bulanan dan lebih menumpukan kepada ibadah semata-mata adalah antara punca kegiatan ini tidak aktif dalam usia sedemikian.

Tarik gaji ini bukan sahaja di kenali dalam kalangan responden yang berpendidikan tinggi bahkan dari berpendidikan sekolah menengah. Meskipun demikian kebanyakan responden

yang tidak mengetahui tentang tarik gaji ini adalah terdiri dari mereka yang berpendidikan setakat sekolah menengah. Kebanyakan responden yang terlibat pernah mengikuti tarik gaji walaupun hampir 30% beranggapan tarik gaji adalah tidak boleh dalam Islam. Antara punca responden tidak pernah menyertai tarik gaji ialah disebabkan tiada pekerjaan, tidak tahu apa dia tarik gaji dan tidak bertepatan dengan syarak. Matlamat sebenar masyarakat Brunei menyertai tarik gaji ini ialah untuk menabung dan bagi tujuan simpanan dan mentadbir urusan kewangan. Terdapat sebilangan kecil dari responden yang bertujuan untuk memiliki emas atau barang yang berharga, bagi pembelian insurans kereta dan cukai jalan serta bagi kelengkapan sekolah anak-anak.

Masyarakat Brunei lebih suka menggunakan metode tarik gaji tradisional iaitu menyerahkan kutipan secara langsung, meskipun terdapat sejumlah kecil yang menggunakan metode moden melalui talian online. Tahap kepercayaan dan keyakinan cara tradisional adalah lebih tinggi berbanding melalui online yang sangat terdedah kepada penipuan apatah lagi jika ahli-ahli kumpulan tidak dikenali. Perkara ini dikongsi bersama dari salah seorang responden yang menyatakan tarik gaji melalui online adalah berisiko tinggi tambahan lagi jika tidak mengenali ahli-ahlinya. Kebiasaannya ahli-ahli dalam skim tarik gaji ini terdiri dari 6 hingga 10 orang dalam tempoh tarik gaji adalah selama 12 bulan. Ahli dalam kumpulan tarik gaji lebih suka menyediakan jumlah kutipan sebanyak \$50-\$100 sebulan seperti mana yang di cadangkan salah seorang responden agar bayaran kutipan tarik gaji adalah rendah agar tidak membebankan. Di samping tujuan utama untuk tarik gaji ialah menabung dan mentadbir kewangan dalam kalangan masyarakat Brunei, terdapat juga peruntukan hasil daripada tarik gaji bagi pembelian barang-barang tertentu atau bagi tujuan tertentu. Pembelian barang kelengkapan rumah merupakan kebanyakan pilihan responden di samping untuk pembelian kereta dan pembelian emas. Cuma sebilangan kecil yang memperuntukkan tarik gaji bagi tujuan untuk melancong, mengerjakan umrah, persiapan hari raya, persediaan untuk kahwin dan melunaskan hutang yang tertunggak.

Hasil dari kaji selidik yang dijalankan mendapati bahawa skim tarik gaji banyak membantu responden dalam mencapai matlamat mereka. Bahkan penyertaan dalam tarik gaji mampu menyelesaikan masalah kewangan yang di hadapi oleh responden yang berpendapatan rendah serta meringankan bebanan antara satu sama lain, meskipun terdapat bilangan kecil yang tidak bersetuju dengan kenyataan di atas.

Skim tarik gaji yang di amalkan di Brunei juga terdapat unsur-unsur *gharar*, riba dan tidak lari dari kes penyelewengan. Dalam kes ini, sebilangan kecil saja dari kalangan responden yang pernah mengalami bayaran tambahan jika lewat menyerahkan wang kutipan dan juga pengalaman ahli yang tidak membayar terutama sekali setelah selesai gilirannya. Walau bagaimana pun amat jarang kes ini di dengar, ini berkemungkinan kadar kes berkenaan amat rendah dan tidak ada keperluan bagi mewujudkan peruntukan khas setakat ini.

Terdapat cadangan yang telah di kemukakan oleh responden bagi mengharuskan amalan tarik gaji ini iaitu memastikan semua ahli kumpulan amanah dan jujur serta dipercayai di samping 'bendahari' yang dilantik hendaklah tegas. Kontrak perjanjian hutang secara bertulis di wujudkan bagi melindungi kemaslahatan semua, sesuai dengan saranan yang telah disebutkan di atas bagi memastikan kehalalannya dan memelihara hak masing-masing.

Rumusan

Skim tarik gaji sangat terkenal di Brunei termasuk juga negara lain dengan menggunakan istilah yang berbeza namun konsepnya adalah sama. Ia sudah lama di amalkan oleh masyarakat Melayu sejak dulu lagi. Dengan perkembangan dan perubahan zaman telah mempengaruhi sistem tarik gaji yang menjadikannya sebagai sumber keuntungan individu tertentu dan cara penyertaan yang semakin canggih melalui online. Skim tarik gaji ini tidak salah di sisi Islam dan undang-undang tetapi sesetengah permainan ini disalahgunakan untuk mengaut keuntungan dan menindas ahli kumpulan lain. Justeru, penyelewengan dalam aktiviti ini mengakibatkan kerugian terhadap ahli yang terlibat sementara pihak yang lain mendapat keuntungan berlipat ganda. Dalam muamalat Islam, selagi mana tiada nas yang mengharamkan, maka hukum kontrak tersebut adalah di haruskan dengan mengambil kira kebersihannya dari unsur-unsur riba dan *gharar* yang di tegah sama sekali oleh Syarak. Pelbagai syarat telah di gariskan agar aktiviti yang dilakukan adalah *shariah compliance* bagi memastikan akad tersebut adalah suci, tidak mengandungi syubhah dan sebagainya. Kerana skim ini berkaitan dengan kewangan dan sangat terdedah kepada *gharar* dan penipuan yang boleh menimbulkan pertikaian dan pertelingkahan.

Bibliografi

- Abdullah bin Abdul Aziz Alu Jibrin (2008). *Majmū ar-Rasāil al-Fiqhiyyah*. Saudi Arabia, Maktabat ar-Rusyd.
- Abdul Wahhab Khalaf. (t.t). *Ilmu Ushūl al-Fiqh*. Kaherah, Maktabat al-Da'wah.
- Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Qurtubi. (1964). *Al-Jāmi' li ahkām al-Qur'an*. Kahera, Dār al-Kutub al-Misriyyah.
- Abu Muhammad Salih bin Muhammad bin Hasan Alu Umayyir al-Qahtani. (2000). *Majmū'at al-Fawā'id al-Bahiyah 'ala manzumat al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Saudi Arabia, Dār al-Sāmi'i.
- Ahmad Salāmah al-Qalyūbi, Ahmad Umairah. (1995). *Hāsiyatā Qalyūbi wa 'Umairah, Kitāb as-Salam, Fasl al-Iqrādh*. Beirut, Dār al-Fikr.
- Al-Ajluni, Ismail bin Muhammad. (1351H). *Kasyf al-Khafā wa Muzil al-Ilbās*. Kaherah: Maktabat al-Quds Muhammad Sidqi bin Ahmad. (2003). *Mausū'at al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Beirut, Muassasah al-Risalah.
- al-Hattab, Shamsuddin abu Abdillah Muhammad bin Muhammad bin Abdurrahman. (1992). *Mawāhib al-Jalil fi Syarh Mukhtasar al-Khalil*. Beirut, Dar al-Fikr.
- Al-Tamimi, Abu Bakar Muhammad bin Abdillah bin Yunus. (2013). *Al-Jāmi' li Masā'il al-Mudawwanah*. Makkah, Jamiat Umm al-Qura.
- Al-Tatwi, Muhammad bin Abdul Hadi. (t.t). *Kifāyat al-Hājah fi Syarh Sunan Ibni Mājah*. Beirut, Dār al-Jail.
- Audience Dialogue. (2006). *Know Your Audience; Chapter 3, Part A, Principle of Questionnaires*. [Http://www.audience dialogue.net/kya3a.html](http://www.audience dialogue.net/kya3a.html). Akses pada 12 Disember 2019.
- Arjun. (2019). What are 'Kutu Funds' and Why Are They Illegal in Malaysia?. *Ask Legal*. <https://asklegal.my/p/kutu-chit-tontine-registrar-companies-finance-rich-quick>. Akses pada 24 Januari 2020.
- Bernama. (2018). Skim Wang Kutu Tradisional Tidak Termasuk Dalam Akta-SSM. *Astro Awani*. 20 September 2018. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/skim-wang-kutu-tradisional-tidak-termasuk-dalam-akta-ssm-186066>. Akses pada 27 Januari 2020.
- Hakimie, Amrie (2019). Korang Boleh Ditangkap Sebab Main Kutu. Biar Betul?. *Loanstreet*. <https://loanstreet.com.my/ms/pusat-pembelajaran/main-kutu-satu-kesalahan>. Akses pada 22 Januari 2020.

- Ibn Baz (t.th) *Hukm al-Jam'iyat alati Tuqamu baina al-Muazafina wa Ghairihim*.
<https://binbaz.org.sa/fatwas/11183>. Akses pada 25 Januari 2020.
- Ibnu Qayyim al-Jauziyyah. (1991). *I'lām al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Beirut, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibnu Qudamah. (1968). *Al-Mughni Li Ibn Qudamah*. Kaherah, Maktabah al-Kaherah.
- Kamus Dewan. (2007). Ed. 4. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muaz. (2015) Fatwa Hukum Arisan Haji. *Majelis Ulama Indonesia Provinsi DKI Jakarta*.
<https://www.muidkijakarta.or.id/fatwa-hukum-arisan-haji/>. Akses pada 24 Januari 2020.
- Nazih. Hammad. (2001). *Qadhāya Fiqhiyyah Mu'āsiroh fi al-Māl wal al-Iqtishād*. Beiru, al-Dār al-Shāmiyah.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2015) *Hukum Main Kutu Moden*.
<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1673-hukum-main-kutu>. Akses pada 7 Januari 2020.
- Sateria, K Yudha. (2018). Konsultasi Syariah: Fikih Arisan. *Republika*
<https://republika.co.id/berita/p7dsse416/konsultasi-syariah-fikih-arisan>. Akses pada 25 Januari 2020.
- Salleh, Fauzan bin Abdullah Fauzan. (2017). *Jam'iyat al-Muwazafina*.
<https://www.alfawzan.af.org.sa/en/node/4251>. Akses pada 25 Januari 2020.
- Syahidatul, Akmal Dunya. (2013) Skim Kutu: Taa'wun atau Gharar?. *Sinar Harian*.
<http://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/6637>. Akses pada 26 Januari 2020.
- Wahbah, Mustafa Zuhaili. (t.t). *Al-Fiqh Al-Islami wa Adilatuh*. Damaskus, Dar Al-Fikr.